

26 OCT 2003

Abdullah-Pakistan (Bergambar)

K'JAAN SEDANG BERUSAHA BAWA PULANG PELAJAR MALAYSIA DARI PAKISTAN

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata persediaan sedang dilakukan oleh pihak berkuasa Malaysia untuk membawa pulang 13 pelajar Malaysia yang sedang ditahan di Pakistan.

Beliau berkata usaha untuk membawa pulang pelajar berkenaan akan mengambil sedikit masa memandangkan banyak persediaan yang perlu dibuat.

"Untuk bawa mereka balik, Wisma Putra akan bekerjasama dengan KDN (Kementerian Dalam Negeri), dengan pihak polis, dan pihak polis yang akan uruskan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan agung ke-50 Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini hari ini.

Persidangan sehari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tiga belas Pelajar Malaysia itu ditahan oleh pihak berkuasa Pakistan pada September lalu kerana disyaki terbabit dengan kegiatan Jemaah Islamiah (JI) berikutan maklumat yang diperolehi oleh negara itu hasil soal siasat yang dijalankan ke atas pemimpin kanan JI, Ridzuan Isamuddin atau lebih dikenali sebagai Hambali, yang ditahan di Thailand pada 11 Ogos.

Pada 5 Okt lalu, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dilaporkan berkata pihak berkuasa Pakistan bersetuju untuk membebaskan pelajar berkenaan setelah berpuas hati dengan hasil soal siasat yang dijalankan ke atas mereka.

Ditanya mengenai siasatan yang akan dijalankan oleh Malaysia ke atas pelajar berkenaan, Abdullah berkata ia akan dilakukan sebaik sahaja para pelajar itu dibawa pulang ke tanah air.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai perkembangan terkini penubuhan pasukan pakar bebas bersama Singapura untuk memantau aktiviti penambakan tanah di Selat Johor, Abdullah berkata mereka telah sepatutnya menjalankan tugas.

"Saya fikir mereka telah mula jalankan tugas, mereka patut berbuat demikian...tak perlu lengah-lengahkan," katanya.

Pada 10 Okt lalu, Abdullah dilaporkan berkata penubuhan pasukan itu harus dilakukan segera iaitu selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 yang berakhir pada 18 Okt lepas.

Penubuhan pasukan itu merupakan antara keputusan yang dibuat oleh Tribunal Antarabangsa Bagi Undang-Undang Laut (ITLOS) pada 8 Okt mengenai kerja-kerja penambakan yang dijalankan oleh republik itu di perairan Pulau Tekong dan Pulau Tuas di Selat Johor.

-- BERNAMA

NM HK RHM